

07 MAY 1996

Umno-Ulang tahun

SEDIA UNTUK SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-50 UMNO

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Perhimpunan Perdana yang dihadiri 50,000 orang di Dataran Merdeka di sini Jumaat ini merupakan antara acara khas yang telah siap diatur sempena sambutan ulang tahun ke-50 Umno.

Sebelum itu majlis Tahlil Perdana akan diadakan di Masjid Negara pada pukul 3 petang, kata Pengerusi Jawatankuasa Tahlil Perdana dan Perhimpunan Perdana Tan Sri Muhammad Mohd Taib.

Kesemua 1,600 cawangan Umno juga diarah mengadakan majlis yang serupa di kawasan masing-masing pada hari Khamis, kata Muhammad, Menteri Besar Selangor pada persidangan berita mengenai acara sambutan itu di ibu pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Pada malam itu juga, akan diadakan penyerahan bendera parti kepada Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin tertinggi lain oleh pelari yang mewakili setiap negeri dalam Larian Bendera Umno sempena ulang tahun itu.

Pengerusi Jawatankuasa Larian Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik berkata, larian sejauh 2,300 km itu bermula minggu lepas di peringkat zon dan akan berakhir apabila semua pelari yang berlepas dari Padang Merbok tiba di Dataran Merdeka untuk menyertai Perhimpunan Perdana pada pukul 8.30 malam.

Pelari berkenaan kemudiannya akan menyerahkan bendera parti kepada Presiden, Timbalan Presiden, Ketua Pergerakan Pemuda dan Ketua Pergerakan Wanita, katanya.

Pada hari Sabtu, satu majlis Jamuan Perdana akan diadakan di PWTC yang dijangka dihadiri 12,000 orang dengan memenuhi setiap ruang bangunan itu.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa jamuan berkenaan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, majlis yang merupakan acara kemuncak sambutan ulang tahun itu akan bermula pukul 7.45 malam.

Antara program pada majlis itu ialah ucapan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, persembahan video klip mengenai kecemerlangan Umno dan pementasan drama muzikal mengenai sejarah perjuangan parti yang merangkumi era sebelum dan selepas Merdeka serta zaman pentadbiran presiden-presidennya.

Pengerusi Jawatankuasa Konvensyen Umno Datuk Seri Najib Tun Razak pula berkata, konvensyen sehari bertema "Umno Dalam Abad Ke-21" akan diadakan pada Sabtu ini bermula pukul 8 pagi yang bertujuan menyingkap perjuangan parti pada abad ke-21.

Menurut Najib, Dr Mahathir dijangka menyampaikan ucapan utama yang menyentuh pentingnya kefahaman anggota parti terhadap sistem politik negara, keberkesanan sistem yang sedia ada serta bagaimana sistem itu dimanfaatkan untuk kebaikan rakyat.

Konvensyen itu turut membincangkan kertas kerja mengenai ekonomi, sosio-budaya, agama dan pendidikan.

"Perisytiharan mengenai misi dan visi Umno dalam abad ke-21 akan diserahkan kepada Presiden parti pada akhir konvensyen yang disertai kira-kira 2,500 anggota parti, wakil organisasi Melayu dan tetamu luar negara," kata Najib.

Pengerusi Jawatankuasa Ekspo dan Pameran Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, ekspo berkonsepkan "terowong masa" menggunakan teknologi multimedia bagi mempamerkan sejarah perjuangan parti akan berlangsung selama lima hari bermula 28 Ogos.

Katanya, sebuah buku mengenai kemajuan dan perjuangan wanita dalam pembangunan negara sejak zaman sebelum Merdeka akan diterbitkan tidak lama

lagi.

Pengerusi Jawatankuasa Hari Veteran Datuk Mohamed Rahmat menyatakan bahawa sambutan hari berkenaan akan diadakan pada bulan Julai bagi menghormati sumbangan golongan veteran.

"Satu bentuk anugerah akan diberi kepada pejuang-pejuang ini. Anugerah berbentuk bintang dan pingat itu akan diberi kepada pejuang veteran sama ada yang masih hidup atau yang sudah meninggal dunia," katanya.

Beliau berkata, sebuah buku mengenai sejarah perjuangan Umno yang ditulis oleh Tan Sri Abdul Samad Ismail akan dilancarkan pada bulan Julai.

-- BERNAMA

RAZ NMO